

4



# E-BULETIN ACIS

## MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

### MENARIK EDISI KEEMPAT:

**MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:**

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,  
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

**SEMINAR ANTARABANGSA**

**ICIS, ISPS & IPCIS**

**MEMPERKASA**

**ENTITI**

**KECEMERLANGAN**

**MOU &**

**MOA**

**ACIS &**

**KOMUNITI**



## PROGRAM KEBERSAMAAN



26 Mac 2022 - Bertempat di Taman Tasik Seksyen 7, Shah Alam telah berlangsung Aktiviti Riadhah, Potluck dan Sembang Santai Keluarga ACIS yang bermula sekitar jam 830 pagi dan berakhir jam 1130 pagi. Program santai yang dianjurkan buat julung kalinya ini berjaya menghimpunkan seramai 80 orang staf bersama keluarga masing masing.



1 Oktober 2022 - Program Hari Keluarga ACIS 2022 telah dilaksanakan dengan meriahnya bertempat di Amphitheater Camar Rimba, Taman Botani Negara, Shah Alam. Program seawal jam 730 pagi dan berakhir sekitar 2 petang menerima kehadiran khas YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor UiTM yang turut sama memeriahkan suasana. Program turut diserikan dengan majlis memotong pulut kuning bersempena dengan hari ulang tahun kelahiran YBhg Prof Datuk VC pada bulan Oktober. Program ini juga menyaksikan kehadiran maksimum staf dan keluarga masing masing, sehingga segala acara sukaneka yang dijalankan turut menerima sambutan terbaik daripada semua peserta.

# PROGRAM KEBERSAMAAN



17 Mei 2023 - Majlis Mahabbah Raya ACIS 2023 telah berlangsung dengan meriahnya bertempat di Anjung Masjid UiTM Shah Alam. Majlis yang bertemakan semanis pagi syawal ini telah dimeriahkan dengan kehadiran tetamu jemputan - YBhg. Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi (Timbalan Naib Canselor - Hal Ehwal Pelajar UiTM) yang mewakili Naib Canselor UiTM. Selain itu, majlis turut dihadiri oleh Ketua Pengarah IKIM; Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan KAGAT; serta rakan strategik industri yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan ACIS.



17 Februari 2023 - Malam Apresiasi & Anugerah ACIS 2022 telah berlangsung di Shah Alam Convention Centre (SACC) dengan bertemakan *Arabian Night*. Majlis telah diserikan dengan kehadiran YBhg. Prof Datuk Naib Canselor UiTM, dan persembahan menarik daripada bukan sahaja YBhg. Prof Dekan ACIS malahan persembahan daripada setiap jabatan di ACIS. Seluruh warga ACIS yang hadir telah mengenakan busana indah bersesuaian dengan tema dan majlis turut menyaksikan aktiviti bertukar hadiah di antara staf. Program kebersamaan seperti ini diharapkan dapat meningkatkan lagi sinergi dan ukhuwah dalam kalangan staf ACIS.

# PROGRAM KEBERSAMAAN

[8 Mac 2024] - Rewang Penyediaan Bubur Lambuk Menyambut Ramadhan

Bersempena dengan ramadhan 1445H yang bakal tiba, ACIS telah mengadakan program rewang penyediaan bubur lambuk sebagai satu usaha merapatkan ukhwah dan silaturrahim di antara staf. Program rewang penyediaan bahan telah bermula petang khamis (7 mac) dan di sambung dengan proses memasak bubur lambuk seawal jam 7 pagi (8 mac 2024).

Projek ini telah di ketuai oleh chef de mission ACIS- YBrs. Prof Madya Dr Azri Bhari (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar ACIS); dengan sokongan dan kerjasama seluruh warga ACIS. YBhg Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani (Dekan ACIS) amat berharap program kebersamaan seperti ini mampu meningkatkan semangat keserakahan atau collegiality dalam kalangan staf ACIS. Ini secara tidak langsung mampu menambahkan happiness index di antara staf. Sebanyak 15kg beras telah di gunakan untuk menjamu bukan sahaja warga ACIS UiTM Shah Alam, malah turut diedarkan ke pejabat pejabat berdekatan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan dalam mengimbangi tuntutan kerja dan tuntutan pembinaan mahabbah bekerja.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.